

## **PEMBANGUNAN HOLISTIK PELAJAR DI DALAM KONTEKS KOKURIKULUM**

Nor Hanieza Binti Esa,<sup>1</sup> Farah Nur-Rasyidah Binti Rosnan<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

### **Pengenalan**

Pada masa kini, negara Malaysia sedang mengalami transformasi di dalam pendidikan bagi membolehkan pendidikan kita mencapai status bertaraf dunia dan pada masa yang sama ianya menyokong kepada keperluan modal insan yang berkualiti. Di dalam mencapai hasrat tersebut pelan pendidikan yang telah dirancangkan meletakkan penekanan kepada pembangunan modal insan berfikiran kelas pertama yang diperlukan untuk pasaran pekerjaan. Disamping itu sistem pendidikan pada hari ini diharap dapat melahirkan anggota masyarakat yang dapat :

1. Dapat menguasai teknologi
2. Berfikir secara kreatif, kritis dan berinovasi di dalam menyelesaikan masalah.
3. Dapat menguasai pelbagai bahasa dan boleh berkomunikasi dengan berkesan
4. Menguasai ilmu dan cekap di dalam bidang akademik serta memiliki kemahiran hidup.
5. Dapat memindahkan pengetahuan sedia ada kepada persekitaran yang lebih praktikal.
6. Dapat mengamalkan nilai murni yang memberikan sumbangan kepada kesejahteraan masyarakat, negara dan antarabangsa.

### **PEMBANGUNAN HOLISTIK PELAJAR MELALUI PENGLIBATAN DI DALAM KOKURIKULUM**

Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha yang menyeluruh di dalam mengembangkan potensi individu. Semasa seseorang individu pelajar berada di institusi pendidikan, mereka diwajibkan mengikuti aktiviti kokurikulum sebagai pelengkap kepada kitaran pendidikan yang melibatkan domain kognitif, afektif dan psikomotor. Bidang kokurikulum yang perlu diceburi pelajar tidak terhad di sekolah rendah dan menengah sahaja malahan juga di peringkat pengajian pengajian tinggi.

Melalui kokurikulum yang diceburi, telah menawarkan pelbagai pengetahuan, pengalaman latihan dan kemahiran yang menjadi wadah di dalam pembinaan jasmani, rohani serta emosi

pelajar. Kokurikulum merupakan bidang kemahiran yang mengandungi unsur intelek yang boleh membantu pelajar untuk meningkatkan keyakinan diri di dalam membuat sebarang keputusan. Ini adalah kerana, melalui aktiviti kokurikulum diterapkan dengan beberapa elemen penting seperti kreativiti, keusahawanan, kepimpinan, disiplin sendiri, inovasi dan juga kecintaan terhadap alam sekitar. Usaha ini secara tidak langsung menjadi alat untuk menyemarakkan semangat kewarganegaraan di dalam diri setiap pelajar serta melahirkan individu yang berguna serta bermanfaat di dalam masyarakat.

Aktiviti kokurikulum di peringkat institusi pengajian tinggi merupakan aktiviti yang boleh dipilih oleh pelajar mengikut kemampuan dan minat masing-masing merangkumi beberapa teras utama seperti:

- i. Sukan
- ii. Kepimpinan
- iii. Kebudayaan
- iv. Kesukarelawan
- v. Keusahawanan
- vi. Khidmat komuniti
- vii. Pengucapan awam
- viii. Daya usaha dan inovasi

Melalui teras utama ini penerapan kemahiran insaniah telah dimasukkan sesuai dengan dasar yang digariskan di dalam Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara.

Pembangunan holistik menurut konteks kokurikulum pula adalah suatu usaha untuk mengembleng secara menyeluruh kompetensi pelajar yang mana melibatkan fungsi, teras dan professional. Pendekatan yang disediakan ini memberi peluang dan ruang kepada pelajar untuk membangunkan potensi diri sesuai dengan cabaran pasaran kerja pada masa akan datang. Melalui setiap teras yang dibangunkan ini pelajar seharusnya dapat:

### **Sukan**

- i. Menyertai dan menceburi pelbagai lapangan sukan di dalam menyemarakkan gaya hidup sihat
- ii. Dapat mengekalkan kesihatan fizikal dan juga mental
- iii. Membentuk perpaduan dan disiplin di dalam diri pelajar
- iv. Boleh mencungkil potensi dan bakat

- v. Meningkatkan pengetahuan tentang sukan dan penganjurannya.

### **Kepimpinan**

- i. Membolehkan pelajar untuk faham tentang kepentingan tugas sebagai pemimpin dan kepimpinan
- ii. Pelajar mengetahui dan faham berkaitan dengan fungsi serta ciri-ciri sebagai seorang pemimpin yang berkesan.
- iii. Pelajar boleh membezakan beberapa jenis kepimpinan yang seharusnya dimiliki oleh seorang pemimpin.
- iv. Membangunkan bentuk kepimpinan di dalam pelaksanaan kerja secara berpasukan/berkumpulan.
- v. Memastikan mempunyai kesedaran serta tanggungjawab terhadap organisasi serta kepemimpinan di dalam kalangan pelajar.
- vi. Memberikan keyakinan dan kesanggupan di dalam memimpin sesuatu organisasi atau persatuan.

### **Kebudayaan**

- i. Mengglobalisasikan kebudayaan yang dimiliki
- ii. Menyemarakkan integrasi budaya di dalam mewujudkan perpaduan
- iii. Memberi kesempatan kepada pelajar supaya menceburi bidang kebudayaan supaya boleh meningkatkan kefahaman terhadap budaya setiap etnik di Malaysia.

### **Kesukarelawan**

- i. Meningkatkan kesedaran kepada pelajar tentang kepentingan masyarakat melebihi kepentingan diri.
- ii. Melibatkan diri di dalam aktiviti yang berbentuk kesukarelawan sebagai cara untuk mengukuhkan jati diri.

### **Khidmat komuniti**

- i. Menyemarakkan semangat patriotik dan perpaduan di dalam kalangan pelajar
- ii. Menyediakan dan memberikan latihan kemahiran dan nilai murni di dalam aktiviti.
- iii. Menambahkan pengetahuan, kemahiran dan kesukarelawan.

- iv. Menggalakkan pelajar untuk terlibat dengan aktiviti kesukarelawan di dalam pertubuhan sosial.

### **Pengucapan awam**

- i. Menambah dan melengkapkan pelajar berkaitan dengan pengetahuan pengucapan awam dan juga pidato.
- ii. Membantu pelajar di dalam memahami kemahiran pengucapan awam.
- iii. Memastikan keyakinan diri dan kemampuan menangani perasaan gugup di dalam semua situasi dimiliki oleh pelajar.

### **Daya usaha dan inovasi**

- i. Melibatkan dan mendedahkan pelajar dengan aktiviti yang melibatkan daya usaha serta inovasi.
- ii. Mendedahkan pelajar dengan pengalaman yang melibatkan aktiviti daya usaha dan inovasi secara kolektif

## **PEMBANGUNAN HOLISTIK MELALUI KEMAHIRAN INSANIAH**

Penekanan kepada pencapaian di dalam komponen psikomotor, kognitif dan afektif adalah penting kearah pembentukan modal insan yang cemerlang. Oleh itu, kurikulum kokurikulum yang dirancang di dalam sistem pendidikan di Malaysia telah menerapkan beberapa kriteria khusus bagi pembangunan insaniah. Dengan adanya kemahiran insaniah ini, diharapkan dapat melahirkan pelajar yang berilmu, berketrampilan dan holistik.

Penekanan kepada pencapaian di dalam komponen psikomotor, kognitif dan afektif adalah penting kearah pembentukan modal insan yang cemerlang. Oleh itu, kurikulum kokurikulum yang dirancang di dalam sistem pendidikan di Malaysia telah menerapkan beberapa kriteria khusus bagi pembangunan insaniah. Dengan adanya kemahiran insaniah ini, diharapkan dapat melahirkan pelajar yang berilmu, berketrampilan dan holistik.

Secara umumnya, kokurikulum merupakan salah satu nilai tambah bagi menghadapi cabaran kehidupan yang kian kompleks, lebih-lebih lagi apabila menghadapi dunia pekerjaan nanti. Oleh itu, setiap pelajar perlu memiliki kemahiran insaniah yang seimbang untuk persediaan pada masa

akan datang. Di dalam kokurikulum terdapat beberapa kemahiran insaniah yang telah dikenalpasti diterapkan iaitu:

vi. Kemahiran Komunikasi

Melalui kemahiran komunikasi pelajar dapat mengembangkan kebolehan di dalam menyampaikan sesuatu idea dengan berkesan, terang dan berkeyakinan samada di dalam bentuk lisan mahupun bukan lisan. Jika penyampaian dilakukan dengan berkesan pelajar akan mampu untuk menggunakan segala maklumat yang diperlukan dengan tepat. Kemahiran mendengar dapat ditingkatkan dan maklumbalas yang positif akan dapat diberikan kepada penerima maklumat. Selain itu juga, melalui penggunaan kemudahan teknologi di dalam komunikasi pelajar diharapkan dapat menyampaikan sesuatu maklumat dengan lebih berstruktur.

vii. Kemahiran kepimpinan

Kepimpinan merupakan satu kemahiran yang menjadi idaman kepada kebanyakan orang. Di dalam diri seseorang itu, kepimpinan diperlukan bagi membolehkan mereka untuk menggunakan kekuatan dan kemahiran akal fikiran serta potensi secara menyeluruhnya. Melalui penglibatan di dalam kokurikulum, pelajar akan diberi peluang untuk menjadi pemimpin di dalam organisasi yang disertainya dan boleh menggunakan keupayaan, kebolehan serta kebijaksanaan untuk mengawal dan menyesuaikan diri di dalam pelbagai situasi. Kejayaan didalam kepimpinan pelajar akan dapat dilihat sekiranya mereka memenuhi desakan, mempunyai integriti, keyakinan diri, motivasi, kekuatan kognitif, kebolehan dan pengetahuan kreatif.

viii. Kemahiran keusahawanan

Di dalam kemahiran keusahawanan pelajar diharapkan dapat meneroka peluang, membangunkan kreativiti dan inovasi serta mencipta risiko melalui penglibatan di dalam kokurikulum yang berkaitan dengan pekerjaan dan peniagaan. Kemahiran ini memberikan kesediaan kepada pelajar untuk mengambil risiko meyakinkan kawan, menjual idea dan mempengaruhi orang disekitar. Secara tidak langsung, pelajar akan memperolehi pengalaman di dalam membina hubungan yang baik dengan orang lain semasa memasarkan produk perniagaan mereka.

ix. Kemahiran kerja berpasukan

Kemahiran kerja berpasukan adalah melibatkan kebolehan pelajar untuk bekerjasama dengan orang lain di dalam mencapai matlamat yang sama. Setiap anggota di dalam satu-satu pasukan perlu

dibentuk mengikut acuan matlamat yang sama untuk mewujudkan suasana kerja yang baik. Jika perkara ini tidak dilakukan akan menyebabkan suasana kerja yang kontra produktif. Contohnya, pembaziran tenaga, masa, kemahiran dan juga produktiviti yang tidak bermutu. Melalui kerja berpasukan pelajar boleh menguasai kebolehan membina hubungan yang baik, boleh berinteraksi dengan orang lain, dan berkerja secara efektif untuk mencapai matlamat yang sama.

x. Moral dan Etika Profesional

Moral dan etika adalah melibatkan kebolehan pelajar untuk mengamalkan standard moral yang tinggi di dalam interaksi sosial dan amalan professional. Melalui kemahiran insaniah ini pelajar perlu mempunyai kebolehan untuk memahami kesan ekonomi, sosiobudaya dan alam sekitar di dalam amalan professional disamping mempunyai prinsip dan etika yang jelas terhadap apa-apa tindakan yang diambil. Setiap tingkahlaku yang ditunjukkan juga mestilah selari dengan budaya dan etika masyarakat disekitar.

xi. Kemahiran pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat

Pembelajaran berterusan adalah merujuk kepada proses pendemokrasian pendidikan yang merangkumi peningkatan kemahiran, kompetensi dan pengetahuan berdasarkan latihan dan pengalaman yang berlaku di dalam keadaan formal mahupun tidak formal. Pembelajaran berterusan berkonsepkan perubahan persekitaran baru, khususnya ekonomi yang berasaskan pengetahuan. Kemahiran ini melibatkan usaha pelajar untuk belajar secara berdikasi di dalam menguasai pengetahuan dan kemahiran baru.

## Rumusan

Aktiviti kokurikulum yang disertai pelajar adalah menyokong kepada kematangan seseorang individu. Walaubagaimanapun kokurikulum yang ditawarkan mungkin terhadap dari segi kepelbagaian dan kemudahan. Kekangan ini seringkali menjadi batasan kepada peluang pelajar untuk menyertai aktiviti yang diminati dan diperlukan untuk pembangunan diri. Penglibatan pelajar di dalam kokurikulum selalunya berdasarkan minat intrinsik (Mohaney, Chairns & Farmer, 2003), kokurikulum dijadikan landasan bagi pelajar mengembangkan bakat dan bakat mereka yang mungkin terbatas di dalam kurikulum pengajian mereka.

Pembentukan pelajar yang holistik adalah memerlukan mereka untuk terlibat di dalam bidang akademik dan juga kokurikulum. Penglibatan didalam kokurikulum mampu untuk

memberikan kesan yang positif terhadap pemikiran kritikal. Oleh itu, beberapa inisiatif perlu di ambil untuk menarik dan menggalakkan pelajar memaksimumkan potensi diri dengan terlibat di dalam aktiviti yang disediakan.

## Rujukan

- Jamaluddin Haji Badusah, Rosna Awang Hashim, Mohd Majid Konting, Turiman Suandi, Maria Salih dan Norhafezah Yusof (2009). *Pembangunan Pelajar Memperkasakan Kokurikulum*. Selangor. Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Hamid Awang, Azali Rahmat, Mohd Ra'in Shaari, Adenan Ayob & Abdullah Yusof (2013) *Pengurusan Kokurikulum Sekolah Rendah dan Menengah*. Tanjung Malim. Emeritus Publications.
- Zainun Ishak (2019). *Asas Pengurusan Aktiviti Kokurikulum di Institusi Pendidikan*. Petaling Jaya. ZIT Publishing.